PP

lwn.

ZAINUDIN MOHAMED

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
KAMARDIN HASHIM PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45-46-2005]
19 FEBRUARI 2009

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1)(a) - Mengedar 2425.78 gram kanabis - Kes prima facie - Maklumat yang membawa kepada penemuan dadah - Maklumat gagal memenuhi kehendak s. 27 Akta Keterangan 1950 dan tidak diterima-masuk - Sama ada kes prima facie tidak dibuktikan - Sama ada tertuduh harus dilepas dan dibebaskan*

KETERANGAN: *Maklumat yang membawa kepada penemuan fakta - Kebolehterimaan - Perkataan sebenar yang diucap hendaklah dibuktikan - Perkataan diolah semula dan disalin di atas kertas - Sama ada tidak memenuhi kehendak statut - Sama ada tidak boleh diterima-masuk sebagai keterangan - Akta Keterangan 1950, s. 27*

Tertuduh dalam kes ini ('OKT') dituduh dengan satu pertuduhan (pindaan) di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta') kerana mengedar 2425.78 gram kanabis. Di pendengaran, pendakwaan mengemukakan keterangan bahawa pada hari kejadian OKT telah membawa sepasukan anggota polis ke sebuah rumah di Pasir Gudang, Johor, dan di situ, telah menunjuk kepada satu bungkusan yang terletak di dalam bilik air rumah tersebut yang mengandungi dadah berkenaan. Selain itu, kes pendakwaan juga bergantung kepada pengataan bahawa dadah tersebut dijumpai akibat dari maklumat yang diberikan oleh OKT kepada SP2 ketika OKT ditangkap di flat Bukit Cagar (yang ditulis di atas sehelai kertas oleh SP2 dan dikemukakan sebagai keterangan di bawah s. 27 Akta Keterangan 1950), berbunyi: "suspek berkata saya boleh bawa polis pergi ke rumah teman wanita saya nama Ida, nama betul Asiah. Dia tinggal di rumah No. 25, Tingkat 2, Blok 39, Taman Cendana, Pasir Gudang. Di rumah tersebut saya ada simpan 2 ketul setengah ganja di palang kayu dekat tangki air di bilik air rumah itu. Saya boleh tunjuk polis di mana ganja itu" ('P12'). SP2 dalam keterangannya menyatakan bahawa beliau ada membuat satu laporan polis mengenai maklumat P12. Walaupun begitu, laporan polis ini telah tidak dikemukakan sebagai eksibit oleh pendakwaan dan tidak

juga diserahkan kepada OKT di bawah s. 51A Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'). SP2 juga tidak menyatakan apakah soalan atau soalan-soalan yang diajukan olehnya kepada OKT yang menyebabkan OKT memberi maklumat P12 di atas – dan berikutan itu – di akhir kes pendakwaan, berbangkit persoalan: (i) sama ada P12 boleh diterima-masuk sebagai keterangan di bawah s. 27 Akta Keterangan 1950; (ii) sama ada kegagalan pendakwaan mengemukakan laporan polis di atas sebagai eksibit adalah memudaratkan kesnya; dan (iii) sama ada suatu kes *prima facie* di bawah s. 180 KTJ telah dibuktikan terhadap OKT.

Diputuskan (melepas dan membebaskan OKT tanpa memanggil pembelaan):

(1) Untuk memenuhi kehendak s. 27 Akta Keterangan, hendaklah dinyatakan apakah soalan yang ditujukan kepada OKT dan apakah kata-kata yang sebenarnya keluar dari mulut OKT. Dalam kes ini, SP2 tidak menyatakan apakah soalan yang ditanya kepada OKT sebelum OKT memberikan maklumat P12. Bukan sahaja tiada soalan ditujukan kepada OKT, malah, adalah diragui samada apa yang dituliskan itu benar-benar kata-kata yang keluar dari mulut OKT, dan bukannya apa yang difahami oleh SP2 dan diolah semula oleh beliau. Maklumat yang disampaikan itu mengandungi empat ayat, dan ia nampak seolah-olah OKT membaca satu teks yang telah disediakan lebih awal. Selain itu, maklumat menceritakan mengenai ganja di rumah 'No. 25, Tingkat 2' sedangkan di dalam pertuduhan rumah adalah rumah 'No. 72-25'. Wujud keraguan yang munasabah mengenai ketepatan maklumat yang diberikan oleh OKT. (perenggan 13)

(2) SP2 memberi keterangan bahawa beliau ada membuat satu laporan polis berkaitan P12, di mana butir-butir di P12 dikatakan ada ditulis di dalam laporan tersebut. Walaupun begitu, bukan sahaja pihak pendakwaan gagal memberikan salinan report ini kepada OKT di bawah s. 51A Kanun Tatacara Jenayah, malahan enggan mengemukakan laporan tersebut ke mahkamah. Keengganan mengemukakan P12 oleh pendakwaan di mana P12 tersebut telah dicabar adalah tidak wajar. Dalam halkeadaan yang wujud, mahkamah tidak dapat mengelak dari mengenakan inferens bertentangan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950. (perenggan 14)

(3) Pendakwaan telah gagal membuktikan tanpa keraguan munasabah bahawa P12 sebenarnya adalah maklumat yang telah diberikan oleh OKT. Mahkamah juga berpuashati bahawa P12 telah gagal memenuhi syarat-syarat ketat yang dituntut di bawah s. 27 Akta Keterangan 1950. Maka P12 tidak boleh diterima-masuk sebagai keterangan. (perenggan 15)

(4) Fakta menunjukkan bahawa OKT di tahan di flat Bukit Cagar sedangkan barang kes dijumpai di sebuah rumah di Pasir Gudang, bahawa rumah di Pasir Gudang tersebut bukan milik OKT, bahawa tiada kesan cap jari OKT pada bungkusan dadah atau di mana-mana tempat di rumah tersebut, bahawa tiada dokumen atau barang peribadi OKT dijumpai di rumah tersebut, dan bahawa orang lain juga mempunyai akses kepada barang kes yang dirampas. Oleh itu, jelas bahawa tidak terdapat nexus di antara barang kes yang dijumpai dengan OKT. (perenggan 17)

(5) Pendakwaan telah gagal melepasi beban pembuktian di tahap *prima facie* seperti kehendak s. 180(1) Kanun Tatacara Jenayah. Oleh itu, mahkamah melepas dan membebaskan OKT tanpa memanggilnya untuk membela diri. (perenggan 19)

Kes-kes yang dirujuk:

Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***
Looi Kow Chai & Anor v. PP [2003] 1 CLJ 734 CA ***(dirujuk)***
Mat v. PP [1963] 1 LNS 82 HC ***(dirujuk)***
PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim (No 3) [1999] 2 CLJ 215 HC ***(dirujuk)***
PP v. Kanapathy Kupusamy & Anor [2001] 1 CLJ 61 HC ***(dirujuk)***
PP v. Khoo Boo Hock & Anor [1990] 1 CLJ 971; [1990] 2 CLJ (Rep) 716 HC ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***
PP v. Mok Kar Poh [2001] 5 CLJ 206 HC ***(dirujuk)***
PP v. Tukiman Demin [2008] 8 CLJ 856 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Criminal Procedure Code, s. 180(1)
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 37A(1)(b), 39A(2)
Evidence Act 1950, ss. 27, 32(1)(i)

Bagi pihak OKT - Rosli Kamaruddin (Khairul Azwad bersamanya); T/n Rosli Kamaruddin & Co
Bagi pihak pendakwaan - Fazaly Ali Mohd Ghazaly TPR

Dilaporkan oleh Wan Sharif Wan Ahmad

A

PENGHAKIMAN

Kamardin Hashim PK:

Pendahuluan

B **[1]** Orang kena tuduh (OKT) telah dihadapkan dengan satu pertuduhan pindaan seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 12.7.2004, jam lebih kurang 9.00 malam, di rumah No. 72-25, Jalan Cendana 8, Blok 39, Taman Cendana, Pasir Gudang, di dalam daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor Darul Ta'zim,
C telah didapati mengedar dadah berbahaya iaitu sejumlah 2,425.78 gram Cannabis dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

[2] Diakhir kes pendakwaan, OKT diperintahkan oleh mahkamah
D untuk dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil membela diri. Pihak pendakwaan telah memfailkan rayuan terhadap keseluruhan perintah pembebasan tersebut.

[3] Perintah pembebasan OKT adalah atas alasan bahawa pihak
E pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT di atas pertuduhan yang dihadapkan atau atas apa-apa kemungkinan pertuduhan yang lebih ringan daripada pertuduhan di atas.

Kes Pihak Pendakwaan

F **[4]** Pihak pendakwaan telah memanggil seramai lima orang saksi bagi membuktikan pertuduhan terhadap OKT. Saksi-saksi tersebut adalah seperti berikut:

4.1 En. Abdul Rahim bin Ismail
G – Ahli Kimia (SP1)

4.2 C/Insp. Mohd. Azhar bin Hj. Mohd. Yusoff
– Ketua Pasukan Serbuan (SP2)

H 4.3 Sjn. Anwar bin Md. Dini
– Ketua Setor barang kes (SP3)

4.4 D/KpI. Jasmawi bin Ali Othman
– Anggota pasukan serbuan (SP4); dan

I 4.5 C/Insp. Arman bin Ibrahim
– Pegawai Penyiasat (SP5)

[5] Selain dari itu, sebelum menutup kes, pihak pendakwaan telah menawarkan seramai sembilan orang saksi lain kepada pihak pembelaan dan enam orang saksi diantara mereka diperlukan sekiranya pembelaan dipanggil iaitu empat orang anggota serbuan serta dua orang saksi awam. Dua orang saksi awam tersebut adalah seorang bernama Saifullah bin Kamarulzaman yang pada awalnya telah ditangkap bersama-sama OKT dalam satu kes yang lain dan seorang bernama Norsahkila binti Yusof, anak kepada seorang penama Asiah binti Mohamed yang gagal dikesan. Penama Asiah binti Mohamed adalah dikatakan teman wanita OKT yang tinggal di rumah No. 25, Jalan Cendana 8, Blok 39, Taman Cendana, Pasir Gudang, tempat dimana dadah cannabis telah dirampas. Penama Asiah binti Mohamed tinggal di premis tersebut bersama anaknya, Norsahkila binti Yusof, saksi yang ditawarkan pihak pendakwaan. Dua saksi yang tidak diperlukan oleh pihak pembelaan dibebaskan oleh mahkamah.

[6] Keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan melalui saksi-saksi yang telah memberikan keterangan dapat diringkaskan seperti berikut:

6.1 Bertindak di atas maklumat yang diberikan oleh OKT, SP2 bersama-sama dengan enam anggota serbuan telah pergi ke rumah No. 25, Tingkat 2, Blok 39, Jalan Cendana 8, Pasir Gudang, dengan dipandu arah oleh OKT.

6.2 Sesampai di tempat yang ditunjukkan oleh OKT, SP2 mendapati pintu gril rumah itu berkunci. Selepas menunggu selama lebih kurang 15 minit, SP2 telah mengarahkan L/Kpl. Mustapa Kamal untuk memecahkan dan memotong mangga gril tersebut. SP2 mendapati pintu kayu hadapan rumah itu tidak berkunci.

6.3 SP2 telah masuk ke dalam rumah bersama-sama OKT dan anggota serbuan. OKT telah membawa SP2 dan anggota serbuan ke bilik air rumah tersebut.

6.4 OKT telah menunjukkan kepada SP2 pada satu bungkusan plastik berwarna hitam (eks. P6) yang berada di atas palang kayu berdekatan dengan tangki air.

6.5 SP2 telah mengambil eks. P6 berkenaan dan setelah diperiksa didalamnya didapati mengandungi tiga ketulan mampat daun-daun kering disyaki ganja yang dibalut dengan plastic lutsinar dan kertas timah (eks. P8 A-C).

A

6.6 SP2 kemudian telah merampas eks. P6 dan eks. P8A-C, dan membawa barang kes tersebut bersama OKT balik ke Balai Polis Sentral.

6.7 Barang kes disyaki ganja telah dihantar oleh pegawai penyiasat (SP5) untuk dianalisa. Ahli Kimia (SP1) mengesahkan bahawa tiga ketulan mampat daun-daun kering tersebut ialah cannabis seberat 2,425.78 gram, iaitu yang menjadi hal perkara dalam pertuduhan. Laporan kimia seperti eks. P9.

B

C

[7] Pada peringkat ini terdapat sedikit kekeliruan berkenaan alamat sebenar tempat dadah cannabis itu dirampas. Di dalam pertuduhan pindaan (eks. P2) dan ucapan pembukaan (eks. P3) adalah dinyatakan alamat rumah tersebut sebagai 'No. 72-25, Jalan Cendana 8, Blok 39, Taman Cendana'. Manakala didalam izin dan rekuisisi (eks. P1), bil-bil letrik dan air (P17 dan P18) serta keterangan saksi SP2 dan SP4 menunjukkan alamat rumah itu sebagai "T2-25, Blok 39, Jalan Cendana 8, Taman Cendana" iaitu rumah No. 25, Tingkat 2, Blok 39. Isu mengenai alamat sebenar rumah dimana cannabis tersebut ditemui menjadi lebih penting apabila mengambil kira isu maklumat yang diberikan oleh OKT sehingga penemuan barang kes di bawah s. 27 Akta Keterangan 1950 (eks. P12).

D

E

Beban Bukti Atas Pihak Pendakwaan

F

[8] Adalah menjadi kewajipan pihak pendakwaan untuk membuktikan satu kes *prima facie* terhadap OKT sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s. 180(1) Kanun Tatacara Jenayah. Langkah-langkah yang perlu diambil oleh hakim perbicaraan di akhir kes pihak pendakwaan telah dihuraikan dalam kes-kes *PP v. Mohd. Radzi bin Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457, *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85, *Looi Kow Chai & Anor v. PP* [2003] 1 CLJ 734 dan *PP v. Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No. 3)* [1999] 2 CLJ 215. Mahkamah telah menilai keterangan pihak pendakwaan secara maksimum dan bertanya soalan ini:

G

H

> If I decide to call upon the accused to enter his defence and he elects to remain silent, am I prepared to convict him on the totality of the evidence contained in the prosecution case? If the answer is in the negative, then no *prima facie* had been made out and the accused would be entitled to an acquittal ...

I

Penilaian Terhadap Kes Pihak Pendakwaan

[9] Pihak pendakwaan didalam kes ini bergantung kepada keterangan mengenai penemuan barang kes dadah atas maklumat yang diberikan oleh OKT. Maklumat yang disampaikan oleh OKT kepada SP2 telah direkodkan diatas sehelai kertas dan dikemukakan oleh pihak pendakwaan di bawah s. 27 Akta Keterangan 1950 (eks. P12). Untuk rekod, pengemukaan eks. P12 telah dibantah oleh peguambela terpelajar. Penerimaan masuk P12 sebagai sebahagian keterangan pihak pendakwaan direzabkan sehingga diakhir kes pihak pendakwaan. Pihak pendakwaan berhujah bahawa P12 haruslah diterima oleh mahkamah oleh kerana amaran dibawah s. 37A(1)(b) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta) telah diberikan oleh SP2 dan peruntukkan dibawah s. 27 Akta Keterangan 1950 telah dipenuhi. Peguambela terpelajar berhujah sebaliknya.

[10] Selain daripada keterangan di bawah s. 27 Akta Keterangan 1950, pihak pendakwaan juga memaklumkan OKT mempunyai milikan dan pengetahuan terhadap dadah yang dirampas. Oleh kerana kuantiti dadah yang terlibat adalah besar, maka pihak pendakwaan menyatakan inferens boleh dibuat bahawa pemilikan OKT keatas dadah itu bertujuan untuk pengedaran.

Keterangan Dibawah s. 27 Akta Keterangan 1950 (eks. P12)

[11] Saksi SP2 dalam keterangannya berkata bahawa pada 12 Julai 2004 jam lebih kurang 6 petang beliau telah menerima satu maklumat berkaitan pengedaran dadah akan berlaku di Flat Bukit Cagar. Beliau bersama enam anggota terus pergi ke Flat Bukit Cagar, tiba di sana jam lebih kurang 7 malam dan sekitar jam 7.30 malam, SP2 serta anggota telah menahan dua orang lelaki iaitu OKT serta seorang lagi kawan OKT yang bernama Saifullah bin Kamarulzaman. Dari badan Saifullah bin Kamarulzaman, SP2 telah merampas satu ketulan mampat daun-daun kering disyaki ganja dan beliau telah dituduh dengan satu kesalahan di bawah s. 39A(2) Akta. Manakala dari poket seluar OKT, SP2 telah menemui satu peket daun-daun kering disyaki ganja dan OKT telah dituduh dengan satu kesalahan di bawah s. 6 Akta. Perbicaraan kes-kes tersebut sedang berlangsung di Mahkamah Sesyen, Johor Bahru.

[12] SP2 menyatakan seterusnya setelah OKT dan Saifullah ditangkap, beliau telah menjalankan soal siasat dan semasa soal siasat tersebut OKT dikatakan telah memberikan maklumat berkaitan barang kes seperti didalam pertuduhan. Soal siasat itu dijalankan sekitar jam 8 malam hari yang sama dibawah satu blok Flat Bukit Cagar. Maklumat yang diberikan oleh OKT telah ditulis

di atas sehelai kertas yang dikemukakan oleh Timbalan Pendakwaraya terpelajar dan ditandakan sebagai eks. P12. Isu samada P12 boleh diterima sebagai sebahagian keterangan kes pendakwaan akan diputuskan oleh mahkamah di akhir kes pihak pendakwaan. Di akhir kes pendakwaan, saya mendapati bahawa P12 tidak memenuhi kehendak s. 27 Akta Keterangan 1950 dan dengan itu ditolak dari menjadi sebahagian keterangan kes pihak pendakwaan. Alasan penolakan tersebut dihuraikan seterusnya seperti di bawah.

[13] Mengenai perekodan P12, SP2 berkata semasa pemeriksaan utama:

> Dokumen ini disediakan kerana suspek semasa soal-tanya setelah kata-kata amaran bawah s. 37A(1)(b) memberitahu bahawa beliau boleh membawa pihak polis ke rumah teman wanitanya yang bernama Ida yang tinggal di No. 25, Tingkat 2, Blok 39, Taman Cendana, Pasir Gudang dimana di rumah itu dia ada simpan 2 ketul setengah ganja atas palang kayu dalam bilik air dan dia boleh tunjukkan kepada polis di mana ganja itu berada.

SP2 tidak menyatakan apakah soalan yang telah ditujukan kepada OKT sebelum OKT memberi maklumat tersebut. Setelah amaran dibacakan oleh SP2, soalan yang ditanya kepada OKT hanyalah:

> S: Adakah terdapat unsur dirayu, ugutan atau janji didalam saya beri amaran ini.
>
> J: Tiada.

Seterusnya dicatitkan 'suspek berkata saya boleh bawa polis pergi ke rumah teman wanita saya nama Ida, nama betul Asiah. Dia tinggal di rumah No. 25, Tingkat 2, Blok 39, Taman Cendana, Pasir Gudang. Di rumah tersebut saya ada simpan dua ketul setengah ganja di palang kayu dekat tangki air di bilik air rumah itu. Saya boleh tunjuk polis di mana ganja itu.' Bukan sahaja tiada soalan ditujukan kepada OKT, malahan adalah diragui samada apa yang dituliskan benar-benar apa yang sebenarnya kata-kata yang keluar dari mulut OKT. Maklumat yang dikatakan disampaikan oleh OKT itu mengandungi empat ayat, seolah-olahnya OKT membaca satu teks yang telah disediakan lebih awal. Untuk memenuhi kehendak s. 27, hendaklah dinyatakan apakah soalan yang ditujukan kepada OKT dan apakah kata-kata yang sebenarnya yang keluar dari mulut OKT sendiri dan bukanlah apa yang difahami oleh SP2 dan diolah serta ditulis semula oleh SP2 dalam bentuk seperti di dalam P12 ini. Seperti disebutkan di awal penghakiman ini, maklumat yang dikatakan diberikan oleh OKT adalah ada dadah ganja di rumah

teman wanitanya di 'No. 25, Tingkat 2' tetapi dalam pertuduhan dinyatakan rumah 'No. 72-25'. Wujud keraguan yang munasabah mengenai ketepatan maklumat yang diberikan oleh OKT. Beban pembuktian terletak di atas pihak pendakwaan sehingga tanpa apa-apa keraguan munasabah akan kata-kata atau maklumat yang disampaikan oleh OKT. (lihat *PP v. Khoo Boo Hock & Anor* [1990] 1 CLJ 971; [1990] 2 CLJ (Rep) 716, *PP v. Kanapathy Kupusamy & Anor* [2001] 1 CLJ 61).

[14] SP2 dalam keterangan menyatakan bahawa dia dan anggota serbuan telah dipandu arah oleh OKT ke rumah teman wanitanya di Pasir Gudang. Walau bagaimanapun, keterangan SP2 ini dicabar keras oleh peguambela terpelajar. Telah disyorkan bahawa sebenarnya SP2 tidak berada di Bukit Cagar semasa OKT ditangkap tetapi beliau telah sedia menunggu anggota polis membawa OKT dan kawannya ke rumah teman wanita OKT tersebut. Juga disyorkan bahawa P12 tidak dibuat di Bukit Cagar dan adalah merupakan rekaan SP2 selepas dadah ditemui di Pasir Gudang. Syor-syor oleh peguambela terpelajar ini tidak boleh dipandang remeh apabila melihat kepada keterangan SP2, SP4 serta percanggahan yang wujud antara keduanya.

Aspek keterangan SP2 dan SP4 serta percanggahan tersebut adalah seperti berikut:

(a) SP2 berkata dia membawa OKT dan 3 anggota serbuan dengan menggunakan kereta SP2 sendiri dan beliau yang pandu kereta itu dari Bukit Cagar ke Pasir Gudang. SP 4 pula menyatakan beliau telah memandu Pajero kepunyaan OKT dan membawa OKT bersama beberapa anggota lain dari Bukit Cagar ke Pasir Gudang.

(b) SP2 tidak langsung menyebutkan Saifullah bin Kamarulzaman juga telah dibawa bersama ke rumah teman wanita OKT di Pasir Gudang. SP4 menyatakan sebaliknya.

(c) SP2 dalam soal balas kata tidak ingat dimana sebenarnya di Flat Bukit Cagar, P12 telah direkodkan. SP2 juga tidak ingat di mana sebenarnya OKT telah ditangkap. Keraguan timbul adakah sebenarnya SP2 berada di Bukit Cagar pada malam tersebut.

(d) SP2 menyatakan selepas amaran dibacakan OKT terus memberikan maklumat tentang dadah di rumah teman wanitanya. Di atas P12 juga menunjukkan tanpa apa-apa soalan diajukan tiba-tiba sahaja OKT memberi maklumat itu kepada SP2. Keterangan SP2 ini aneh dan meragukan.

(e) SP4 dalam keterangan menyatakan dia yang kawal OKT selepas ditangkap dan SP4 mendengar soaljawab antara SP2 dengan OKT. SP4 kata SP2 soal OKT 'ada apa-apa dadah yang disimpan?' Bila disoal lanjut, SP4 kata dia dengar SP2 tanya OKT, 'samada ada simpan lagi dadah atau tidak' dan bila didesak, SP4 kata dia tidak ingat apa soalan sebenar yang ditanya oleh SP2 kepada OKT.

(f) SP2 berkata selain P12, beliau ada membuat satu laporan polis berkaitan P12 tersebut butir-butir dalam P12 dikatakan ada ditulis dalam laporan polis tersebut. Walau bagaimanapun, pihak pendakwaan bukan sahaja gagal memberikan salinan report itu kepada peguambela terpelajar di bawah s. 51A, Kanun Tatacara Jenayah malahan engan mengemukakan laporan tersebut kepada Mahkamah. Tindakan pihak pendakwaan dalam keadaan dimana P12 telah dicabar adalah tidak wajar. P12 sepatutnya boleh dikemukakan sekurang-kurangnya bagi menyokong keterangan SP2. Pihak pendakwaan hanya menyatakan laporan polis SP2 tersebut sebagai JBS Report No. 16932/04, dan ini adalah tidak memadai. Kenapa sebenarnya pihak pendakwaan enggan mengemukakan laporan polis tersebut hanya mereka sahaja yang tahu tetapi mahkamah tidak dapat mengelak daripada desakan peguambela terpelajar agar inferens yang bertentangan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 digunakan memihak kepada OKT.

(g) SP2 menyatakan OKT telah memandu arah serta menunjukkan barang kes yang dirampas. Tiada sebarang masa SP2 memberitahu bagaimana atau apa cara OKT menunjukkan barang kes tersebut. Tidak dinyatakan OKT tunjuk melalui percakapannya sahaja atau melalui perbuatan seperti muncung mulutnya, tangannya, gerak badan atau sebagainya. Harus diingat pada waktu itu dan sepanjang masa kedua-dua belah tangan OKT bergari dan gari hanya dibuka apabila OKT dimasukkan ke dalam lokap. Wujud keraguan juga samada OKT digari ke belakang atau ke hadapan.

(h) SP2 menyatakan OKT telah membawa beliau dan anggota ke bilik air dan menunjukkan bungkusan plastik berwarna hitam di atas palang kayu dekat tangki air. Tidak diberitahu macamana OKT telah menunjukkan barang kes tersebut. Dengan melihat gambar di eks. P10 F, sesiapa sahaja yang masuk ke bilik air tersebut jika mendongak sedikit keatas telah dapat melihat plastik hitam (eks. P6) tersebut. SP2 bersetuju tentang tempat tanda 'X' sebagai tempat dimana P6 ditemui tetapi tidak bersetuju dengan syor peguambela terpelajar bahawa P6 tidak tersembunyi. Saya mendapati dari keterangan SP2 dan SP4 serta melalui gambar P10 F, sememangnya P6 tidak dalam keadaan tersembunyi, ia mudah dilihat dengan hanya mendongak di dalam bilik air tersebut. (lihat *Yee Ya Mang v. PP* [1972] 1 MLJ 120).

(i) Keterangan SP2 yang menyembunyikan kewujudan Saifullah bin Kamarulzaman, juga meragukan samada maklumat mengenai penemuan barang kes sebenarnya daripada OKT ataupun dari Saifullah bin Kamarulzaman ataupun, pihak polis telah lebih awal ada maklumat mengenai dadah di rumah teman wanita OKT melalui sumber mereka sendiri. Dua setengah ketulan mampat daun kering yang ditemui dalam rumah teman wanita OKT serupa dengan 1 ketulan mampat daun kering yang ditemui daripada badan Saifullah bin Kamarulzaman, manakala daripada OKT pihak polis telah menemui ganja dalam bentuk peket sahaja (1 peket).

[15] Atas alasan-alasan di para 14 (a) hingga (i) di atas, saya mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan tanpa keraguan munasabah bahawa P12 sebenarnya adalah merupakan maklumat yang telah diberikan oleh OKT. Di samping itu saya berpuashati bahawa P12 telah gagal memenuhi syarat-syarat ketat yang dituntut di bawah s. 27 Akta Keterangan 1950. Oleh yang demikian, saya menutuskan P12 ditolak daripada sebahagian keterangan pihak pembelaan.

Percakapan Bawah s. 112 Kanun Tatacara Jenayah Saksi Asiah binti Mohamed (eks. P19)

[16] Pihak pendakwaan telah mohon mengemukakan percakapan bawah s. 112 Kanun Tatacara Jenayah dari saksi bernama Asiah binti Mohamed. Permohonan dibuat di bawah s. 32(1)(i) Akta Keterangan 1950. Permohonan ini dibantah oleh peguambela terpelajar. Pihak pendakwaan gagal memanggil saksi Asiah binti Mohamed untuk memberi keterangan di Mahkamah. Pegawai penyiasat (SP5) telah mengambil tindakan berikut sebagaimana bagi mengesan saksi tersebut iaitu dengan menghantar semboyan ke Balai Polis Pasir Gudang serta membuat semakan dengan pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Pejabat Imigresen dan Pejabat Pendaftaran Negara bagi mendapatkan alamat terbaru saksi. Bagaimanapun, semua usaha tersebut menemui jalan buntu. Peguambela terpelajar berhujah bahawa usaha yang dilakukan oleh SP5 tidak mencukupi untuk membolehkan P19 diterima sebagai keterangan pihak pendakwaan. Dihujahkan juga bahawa kandungan P19 adalah prejudis terhadap OKT dan jika pun P19 diterima, isu 'how much weight' dapat diberikan oleh mahkamah oleh kerana keterangan saksi itu tidak dapat diuji dan ditentukan melalui soal-balas (lihat *PP v. Tukiman Demin* [2008] 8 CLJ 856). Dalam P19, saksi ada ditanya siapa yang meletak dadah di dalam rumah beliau, saksi menjawab, 'saya rasa mungkin Din, tetapi tidak tahu bila dan

dimana dia letak'. Saya puashati bahawa pendakwaan telah mematuhi pra-syarat di bawah s. 32(1) Akta Keterangan 1950 dan P19 diterima sebagai sebahagian keterangan pendakwaan.

Walau bagaimanapun, selain isu 'weight' keterangan itu satu perkara yang menjadi lompang (lacuna) didalam kes pihak pendakwaan adalah kegagalan pihak pendakwaan untuk mengecualikan (excluded) penama Asiah binti Mohamed, anaknya Norshakila binti Yusof serta lain-lain saudara mara penama Asiah binti Mohamed yang tinggal dan datang ke rumah tersebut dengan dadah yang dirampas. Oleh itu, P19 merupakan satu cebisan keterangan yang tidak membawa pihak pendakwaan kemana-mana dan tidak dapat membantu membuktikan bahawa OKT mempunyai milikan dan/atau jagaan keatas barang kes dadah tersebut secara eksklusif.

[17] Selain daripada itu, mahkamah juga telah menimbangkan fakta-fakta berikut dan memutuskan tidak terdapat nexus di antara barang kes yang dijumpai dan OKT. Fakta-fakta tersebut adalah secara ringkasnya seperti berikut:

(a) OKT ditahan di kawasan flat Bukit Cagar, manakala barang kes dijumpai di sebuah rumah di Taman Cendana, Pasir Gudang;

(b) Rumah di Taman Cendana, Pasir Gudang bukannya milik OKT;

(c) Tiada bukti kesan cap jari OKT pada bungkusan plastic (P6) atau dimana-mana tempat di dalam rumah itu;

(d) Tiada dokumen peribadi atau barang peribadi OKT ditemui di rumah itu; dan

(e) Lain-lain orang juga ada akses di rumah itu dan juga akses kepada barang kes dadah yang dirampas. Tiada bukti milikan eksklusif keatas barang kes dadah walaupun sekiranya P12 diterima sebagai sebahagian keterangan kes pihak pendakwaan (lihat *Chan Pean Leon v. PP* [1956] 1 LNS 17).

[18] Adalah menjadi prinsip undang-undang matan bahawa diakhir kes pendakwaan, pihak pendakwaan haruslah membuktikan kes mereka pada tahap *prima facie* dan ini haruslah dibuktikan melalui bukti-bukti yang 'credible' bahawa OKT telah melakukan kesalahan seperti dalam pertuduhan. YA Hakim Zainun binti Ali dalam kes *PP v. Mok Kar Poh* [2001] 5 CLJ 206 telah menyatakan bahawa *prima facie* bermaksud:

As had been postulated in several authorities, a *prima facie* case though not conclusive is a case which is sufficient to call for an answer. It is also recurrent in all these authorities that although not conclusive, it is incumbent that there is credible evidence on each and every essential ingredient of the offence. A

As has been further emphasized in *PP v. Ong Cheng Heong* [1998] 4 CLJ 209 'credible evidence' is evidence which has been filtered and which has gone through the process of evaluation. B

Dalam kes *Looi Kow Chai v. PP* [2003] 1 CLJ 734, YA Hakim Gopal Sri Rama JCA telah menyatakan bahawa: C

that there is only one exercise that a judge sitting alone under s. 180 of the Code to undertake at the close of the prosecution case. He must subject the prosecution evidence to maximum evaluation and ask himself whether he would be prepared to convict the accused on the totality of the evidence contained in the prosecution's case if he were to decide to call upon the accused to enter his defence and the accused has elected to remain silent. If the answer to that question is in the negative, then no *prima facie* would have been made out and the accused would be entitled to an acquittal. D

Mahkamah Persekutuan dalam kes *PP v. Mohd. Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457 telah menggariskan secara ringkas langkah-langkah yang harus diambil oleh mahkamah seperti berikut: E

i) At the close of the prosecution's case, subject the evidence led by the prosecution in its totality to a maximum evaluation. Carefully scrutinize the credibility of each of the prosecution's witnesses. Take into account all reasonable inferences that may be drawn from the evidence. If the evidence admits of two or more inferences, then draw the inference that is most favorable to the accused; F

ii) Ask yourself the question: If I now call upon the accused to make his defence and elect to remain silent am I prepared to convict him on the evidence now before me? If the answer to that question is 'Yes', then *prima facie* case has been made out and the defence should be called. If the answer is 'No', then a *prima facie* case has not been out and the accused should be acquitted; G

iii) After the defence is called, the accused elects to remain silent, then convict; H

iv) After defence is called, the accused elects to give evidence, then go through the steps set out in *Mat v. PP* [1963] MLJ 263.

I

A **[19]** Mahkamah telah menilai keterangan pihak pendakwaaan secara maksimum dan atas keseluruhan keterangan pihak pendakwaan, mahkamah mendapati bahawa pihak pendakwaan gagal melepasi beban pembuktian ditahap *prima facie* seperti yang diperuntukan di bawah s. 180(1) Kanun Tatacara Jenayah. Jika
B pembelaan dipanggil dan sekiranya OKT berdiam diri, mahkamah ini tidak bersedia untuk mensabitkan OKT. Oleh itu, diatas alasan-alasan yang diberikan di atas, mahkamah memerintahkan OKT dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil untuk membela diri.

C

D

E

F

G

H

I